



**TEKS UCAPAN**

**YB TUAN EDDIN SYAZLEE SHITH**

**TIMBALAN MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

---

**PELANCARAN KICK OFF TIIS MOBILE  
MESSENGER PLATFORM PERTAMA  
DI MALAYSIA**

**12 SEPTEMBER 2019**

**Hotel Le Meridien, Putrajaya**

## **[Salutation]**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Yang Berusaha En. Geun Seok Han,  
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Syarikat  
TIIS Mobile Messengers,

Yang Berusaha Jemputan Khas dari Korea  
Selatan dan Malaysia,

serta hadirin sekalian.

## [Pendahuluan]

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas kepada Syarikat TIIS Mobile Messengers kerana berjaya melaksanakan Pelancaran Kick Off TIIS Mobile Messenger Platform Pertama di Malaysia.

2. Alhamdulillah, syukur juga kerana dengan izin-Nya, dapat kita bersama-sama hadir untuk menyaksikan program yang amat bermakna pada pagi ini.

## **[TIIS Mobile]**

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Seperti yang kita sedia maklum, kerajaan Malaysia sedang berusaha untuk meneroka dan memperkenalkan teknologi mudah alih generasi kelima atau 5G yang dijangka mampu mengubah hampir keseluruhan aspek kehidupan kita seharian.

4. Bagi menyokong usaha kerajaan itu, saya difahamkan TIIS Mobile Messenger telah berusaha untuk memajukan sektor digital ini dengan menggunakan teknologi Blockchain.

5. Yang menariknya, TIIS Mobile Messenger merupakan platform tempatan yang pertama seumpamanya di Malaysia. Dengan hanya satu aplikasi sahaja, TIIS boleh digunakan untuk pelbagai tujuan.

Antaranya, menyebarkan maklumat tertentu daripada kerajaan kepada orang ramai, memperkasakan peranan pelbagai agensi kerajaan, bidang pendidikan, peluang perniagaan, Mobile TV, e-wallet, e-pay dan sebagainya.

6. Saya percaya bahawa TIIS akan mempercepat lagi matlamat kerajaan untuk melaksanakan e-kerajaan pada masa depan.

7. Saya juga dimaklumkan bahawa nama TIIS (Strong and Power) ialah singkatan daripada TIGGIRIS iaitu nama saintifik kepada Harimau Malaya. Dengan simbolik nama tersebut, diharapkan agar TIIS Mobile Messenger ini dapat membantu kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, membangunkan ekonomi Malaysia untuk menjadi 'Harimau Asia' yang hebat di mata dunia.

## **[Peluang Pekerjaan]**

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Saya juga difahamkan bahawa TIIS Messenger akan membawa masuk pelaburan permulaan dari Korea Selatan sebanyak 10 juta dollar Amerika serta mewujudkan kira-kira 200 peluang pekerjaan baharu.



9. Apabila Platform TIIS beroperasi sepenuhnya nanti, dijangkakan syarikat akan mewujudkan 5 ribu hingga 8 ribu peluang pekerjaan dalam syarikat itu sendiri dan kesan limpahan daripada industri ini, ratusan ribu peluang pekerjaan seperti pengiklanan, pemasaran, logistik, jualan langsung, pengangkutan dan pelbagai bidang pekerjaan baharu yang menguntungkan rakyat akan dapat diwujudkan.

10. Ini merupakan sumbangan yang besar kepada kerajaan Malaysia. Saya yakin TIIS Mobile Messenger akan dapat membantu rakyat Malaysia terutama mereka yang mempunyai kelulusan dan kemahiran dalam bidang IT untuk memperoleh pekerjaan sama ada bekerja dalam syarikat TIIS sendiri atau syarikat-syarikat lain yang terlibat secara tidak langsung dalam industri ini.

11. Bagi pihak kerajaan Malaysia, saya amat mengalu-alukan kemasukan lebih ramai pelabur asing ke negara kita, terutamanya dalam bidang teknologi tinggi selaras dengan hasrat kerajaan.

12. Pihak kerajaan akan sentiasa berusaha untuk mempermudah semua urusan berkaitan dengan birokrasi dan pentadbiran.

13. Kita juga berharap agar pihak pelabur akan berkongsi kepakaran mereka dengan rakyat Malaysia demi mencapai matlamat khas perkongsian teknologi terkini.

### **[Penutup]**

14. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada CEO Syarikat TIIS Mobile Messenger, En. Geun Seok Han atas usaha beliau untuk berkongsi maklumat serta membangunkan teknologi blockchain dari Korea Selatan ke negara kita.

15. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada semua pelabur dari Korea Selatan. Sumbangan anda adalah sangat dihargai.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Pelancaran Kick Off TIIS Mobile Messenger Platform Pertama di Malaysia.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.